

# 700 kes cacar monyet dilapor seluruh dunia

**Washington:** Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) melaporkan terdapat 21 kes cacar monyet di Amerika Syarikat (AS), daripada 700 kes di seluruh dunia, seperti dilaporkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Siasatan turut mencadangkan kini terdapat penularan yang aktif dalam negara dan kes mungkin meningkat jika gagal dikawal.

Kajian awal mendapati 16 daripada 17 kes pertama adalah dalam kalangan lelaki yang mempunyai hubungan seks sesama lelaki.

Menurut laporan baharu CDC, 14 dikatakan mempunyai kaitan dengan sejarah perjalanan ke luar negara tetapi semua pesakit kini dalam pemulihan atau sudah pulih, tanpa kes kematian.

Menurut Timbalan Pengarah Bahagian Patogen dan Patologi Kesan Tinggi CDC, Jennifer McQuiston, terdapat beberapa kes di AS dikaitkan dengan kes yang diketahui.

“Kami juga mempunyai seku-

rang-kurangnya satu kes di AS yang tidak mempunyai kaitan sejarah perjalanan atau mengetahui bagaimana mereka mendapat jangkitan,” katanya.

Cacar monyet ialah penyakit yang jarang terjadi dan mempunyai kaitan namun tidak seteruk cacar kecil, ia menyebabkan ruam yang merebak, demam, menggigit dan lenguh, antara gejala lain

Secara amnya, ia terhad di wilayah Afrika barat dan tengah, namun sejak Mei lalu, kes mula dilaporkan di Eropah dan bilangan negara yang terjejas meningkat sejak itu.

Kanada turut mengeluarkan angka baharu, semalam, dengan 77 kes yang disahkan, hampir semuanya dikesan di wilayah Quebec dan vaksin sudah dihantar, manakala Perancis melaporkan 51 kes.

Walaupun kebanyakan jangkitan di Eropah dikaitkan dengan pesta gay, cacar monyet bukanlah penyakit seksual tetapi kontak



*Kakitangan kesihatan India memeriksa tanda jangkitan pengembara yang baru tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Anna, Chennai bagi mengelak penularan cacar monyet.*

(Foto AFP)

rapat atau bersentuhan dengan penghidap penyakit akan menyebabkan jangkitan.

Seseorang itu boleh menjangkiti orang lain sehingga semua nanah menjadi kudis dan kulit baharu terbentuk.

Pengarah kanan bahagian keselamatan kesihatan global dan biopertahanan Rumah Putih, Raj Panjabi, berkata 1,200 vaksin dan 100 kaedah rawatan sudah dihantar ke seluruh negeri di AS, di mana ia ditawarkan kepada kontak rapat mereka yang dijangkiti.

Ketika ini terdapat dua vaksin yang dibenarkan iaitu ACAM2000 dan JYNNEOS, yang

pada asalnya dibangunkan untuk melawan cacar.

Walaupun cacar sudah dihapuskan di AS, vaksinnya masih disimpan sebagai rizab nasional, sekiranya ia digunakan sebagai senjata biologi.

JYNNEOS adalah lebih berkesan berbanding ACAM2000 dan kurang kesan sampingan, yang mana CDC mengesahkan memiliki 100 juta dos ACAM200 dan 1,000 dos JYNNEOS.

CDC juga meluluskan dua antiviral bagi merawat cacar iaitu TPOXX dan Cidofovir, untuk disesuaikan bagi merawat cacar monyet.

AFP